



30 April 2014
30 April 2014
P.U. (A) 119

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA
(PELESENAN DAN PERMIT) 2014

*MALAYSIAN RUBBER BOARD (LICENSING AND PERMIT)
REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA GETAH MALAYSIA (PERBADANAN) 1996

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA
(PELESENAN DAN PERMIT) 2014

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LESEN

3. Aktiviti untuk dilesenkan
4. Permohonan bagi lesen
5. Pengeluaran lesen
6. Pematuhan syarat yang dikenakan ke atas lesen
7. Aktiviti yang dilarang oleh lesen
8. Pembaharuan lesen
9. Kesahan lesen
10. Penggantungan dan pembatalan lesen
11. Pembatalan lesen
12. Pemindahan atau penyerahhakan lesen
13. Penyerahan balik lesen
14. Perkongsian dalam lesen
15. Pindaan lesen atas permintaan
16. Salinan terperaku lesen
17. Mempamerkan lesen, papan tanda perniagaan, dsb.
18. Pemberitahuan perubahan dalam maklumat yang diberikan
19. Penerusan syarat lesen dalam hal perubahan penghunian

Peraturan

20. Penyenggaraan rekod dan dokumen
21. Daftar Lesen

BAHAGIAN III
PERMIT

22. Aktiviti yang menghendakkan permit
23. Permohonan bagi permit
24. Pengeluaran permit
25. Syarat khas bagi Permit Autoriti Transaksi Getah
26. Aktiviti yang dilarang di bawah Permit Autoriti Transaksi Getah
27. Syarat khas bagi Permit PST-G
28. Syarat khas bagi Permit Eksport
29. Pematuhan syarat yang dikenakan ke atas permit
30. Pembaharuan permit
31. Penggantungan dan pembatalan Permit PST-G
32. Pembatalan Permit Autoriti Transaksi Getah dan Permit PST-G
33. Penyerahan balik permit
34. Perkongsian dalam permit
35. Pindaan permit atas permintaan
36. Salinan terperaku permit
37. Pemberitahuan perubahan dalam maklumat yang diberikan
38. Penyenggaraan rekod dan dokumen
39. Daftar Permit

BAHAGIAN IV
PENGHANTARAN, PENGANGKUTAN DAN PENERIMAAN GETAH ATAU BAHAN
TANAMAN GETAH

40. Penghantaran, pengangkutan dan penerimaan getah atau bahan tanaman getah

Peraturan

41. Kebenaran bertulis untuk menghantar, mengangkut dan menerima getah atau bahan tanaman getah
42. Resit rasmi

BAHAGIAN V

PEMBUNGKUSAN DAN PENGEKSPORTAN GETAH, SARUNG TANGAN GETAH,
TUMBUH-TUMBUHAN GETAH DAN BAHAN TANAMAN GETAH

43. Larangan terhadap pengeksporan tumbuh-tumbuhan getah atau bahan tanaman getah tanpa kelulusan bertulis
44. Kehendak bagi perakuan tempat asal
45. Salinan terperaku perakuan tempat asal
46. Larangan terhadap penggunaan simbol rumah yang tidak didaftarkan
47. Pendaftaran simbol rumah
48. Pemindahan simbol rumah
49. Tanda bungkus
50. Salah nyataan atau tanda bungkus palsu

BAHAGIAN VI

RAYUAN

51. Prosedur rayuan
52. Kesahan lesen dilanjutkan dalam rayuan yang berjaya
53. Larangan permohonan yang serupa apabila permohonan terdahulu sedang dirayu

BAHAGIAN VII

AM

Peraturan

54. Penentuan tarikh permohonan
55. Kehendak untuk memberikan maklumat dan dokumen
56. Keterangan
57. Fi
58. Maklumat palsu atau mengelirukan

BAHAGIAN VIII

PEMBATALAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

59. Pembatalan
60. Lesen, perakuan dan permit sedia ada
61. Pemindahan kuasa, dsb.
62. Penerusan permohonan yang belum selesai

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA LEMBAGA GETAH MALAYSIA (PERBADANAN) 1996

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA
(PELESENAN DAN PERMIT) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 [*Akta 551*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Getah Malaysia (Pelesenan dan Permit) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 30 April 2014.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“bahan tanaman getah” termasuklah biji benih getah, anak benih, keratan, kayu mata tunas (hijau dan perang), tumbuh-tumbuhan bertunas (termasuk tunggul bertunas akar terdedah, tumbuh-tumbuhan bertunas dalam polibeg dan tunggul teras), dan apa-apa tisu atau bahagian tumbuh-tumbuhan yang boleh dibiakkan atau digandakan dengan apa-apa cara, termasuklah melalui teknik konvensional atau teknik bioteknologi;

“getah mentah tercemar” ertinya getah mentah yang dicemari oleh bendasing yang mungkin bersifat organik seperti daun atau kulit kayu, atau bersifat bukan organik seperti pasir, tanah, plastik, bahan kimia, logam, atau getah tervulkan atau bukan tervulkan, sehingga menyebabkan pengurangan kualiti yang tidak dapat dipulihkan semula atau yang menjejaskan aliran operasi pemprosesan getah;

“lesen” ertinya suatu lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah subperaturan 5(1);

“pekebun kecil getah” ertinya seseorang yang memiliki dan mengendalikan satu ladang getah atau lebih dalam suatu Negeri yang jumlah keseluruhannya tidak melebihi 40.46 hektar;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang dikeluarkan lesen di bawah subperaturan 5(1);

“pemegang permit” ertinya pemegang Permit Autoriti Transaksi Getah, Permit PST-G atau Permit Eksport, yang mana-mana berkenaan;

“pengendali ladang getah” ertinya seseorang yang memperoleh pendapatan daripada hasil getah sesuatu ladang getah yang dimiliki oleh pekebun kecil getah secara pajakan atau perkongsian dengan persetujuan pekebun kecil getah itu;

“permit” ertinya Permit Autoriti Transaksi Getah, Permit PST-G atau Permit Eksport yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah subperaturan 24(1);

“Permit Autoriti Transaksi Getah” ertinya suatu permit untuk menjual getah yang dikeluarkan di bawah subperaturan 24(1);

“Permit Eksport” ertinya suatu permit untuk mengeksport konsainan getah yang dikeluarkan di bawah subperaturan 24(1);

“Permit PST-G” ertinya suatu permit untuk membeli, menyimpan dan menjual sarung tangan getah ditolak dan sarung tangan getah sekerap yang dikeluarkan di bawah subperaturan 24(1);

“tumbuh-tumbuhan getah” ertinya—

- (a) apa-apa tumbuh-tumbuhan daripada spesies *Hevea* dalam famili *Euphorbiaceae* sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan kacukan antara spesiesnya; dan
- (b) apa-apa tumbuh-tumbuhan selain spesies *Hevea* termasuklah apa-apa tumbuh-tumbuhan yang diubah secara genetik yang berasal daripada spesies *Hevea* dan kacukannya sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“premis” termasuklah mana-mana bangunan atau khemah atau apa-apa struktur lain, kekal atau sebaliknya bersama dengan tanah yang di atasnya bangunan, khemah atau struktur lain itu terletak dan mana-mana tanah bersebelahan yang digunakan berkaitan dengannya, dan apa-apa kenderaan, pengangkut, vesel atau pesawat udara;

“proses”, berhubung dengan getah, ertinya apa-apa aktiviti yang mengubah sifat kimia dan fizikal getah itu;

“sarung tangan getah” ertinya sarung tangan yang dibuat secara keseluruhan atau sebahagiannya daripada getah asli atau getah tiruan;

“simbol rumah” ertinya apa-apa tanda atau pengenalan yang ditunjukkan atas bungkusan sebagaimana yang didaftarkan di bawah subperaturan 47(4).

BAHAGIAN II

LESEN

Aktiviti untuk dilesenkan

3. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) membeli, menyimpan, menjual, memproses atau membungkus, atau mengeksport getah;

- (b) membeli dan menyimpan getah bagi pembuatan produk getah;
- (c) mengeksport sarung tangan getah; atau
- (d) membeli, menyimpan atau menjual, atau mencambahkan, menumbuhkan, menanam atau memindah tanam bahan tanaman getah bagi tujuan komersial,

melainkan jika dia memegang lesen.

(2) Seseorang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Permohonan bagi lesen

4. (1) Suatu permohonan bagi lesen untuk menjalankan mana-mana aktiviti yang disebut dalam subperaturan 3(1) hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam apa-apa bentuk dan dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga berserta dengan fi pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Lembaga, suatu permohonan berasingan hendaklah dibuat berkenaan dengan—

- (a) setiap aktiviti yang disebut dalam subperaturan 3(1); dan
- (b) setiap premis yang digunakan berkaitan dengan aktiviti yang disebut dalam subperaturan 3(1) tanpa mengira sama ada premis itu bersambung secara pentadbiran atau organisasi dengan premis yang lain.

(3) Apabila suatu permohonan di bawah subperaturan (1) diterima, Lembaga boleh menghendaki pemohon untuk memberikan butir-butir, maklumat atau dokumen lanjut.

(4) Jika apa-apa butir-butir, maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah subperaturan (3) tidak diberikan oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan oleh Lembaga, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan permohonan baharu yang dibuat oleh pemohon.

(5) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum pengeluaran atau penolakan untuk mengeluarkan suatu lesen, yang jika itu berlaku fi pentadbiran yang dibayar di bawah subperaturan (1) tidak akan dikembalikan.

Pengeluaran lesen

5. (1) Selepas mempertimbangkan permohonan di bawah subperaturan 4(1) dan butir-butir, maklumat atau dokumen di bawah subperaturan 4(3), Lembaga boleh mengeluarkan atau menolak untuk mengeluarkan lesen.

(2) Jika Lembaga memutuskan untuk mengeluarkan lesen di bawah subperaturan (1), pemohon itu hendaklah membayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua sebelum lesen itu dikeluarkan.

(3) Jika Lembaga menolak untuk mengeluarkan lesen di bawah subperaturan (1), Lembaga hendaklah memberikan suatu notis bertulis tentang keputusannya kepada pemohon itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

Pematuhan syarat yang dikenakan ke atas lesen

6. (1) Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat apabila mengeluarkan suatu lesen di bawah peraturan 5 dan boleh, pada bila-bila masa, meminda syarat yang dikenakan.

(2) Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan ke atas sesuatu lesen.

(3) Pemegang lesen yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Aktiviti yang dilarang oleh lesen

7. (1) Pemegang lesen tidak boleh—
- (a) menjalankan apa-apa aktiviti selain aktiviti yang baginya lesen itu dikeluarkan;
 - (b) menjalankan apa-apa aktiviti yang dilesenkan di dalam premis selain premis yang dinyatakan dalam lesen;
 - (c) menyimpan getah melebihi amaun yang dibenarkan oleh Lembaga;
 - (d) membeli getah daripada pekebun kecil getah yang bukan seorang pemegang Permit Autoriti Transaksi Getah;
 - (e) menggunakan dalam perdagangan getahnya—
 - (i) apa-apa peralatan untuk menimbang atau mengukur yang tidak ditentusahkan dan dicap mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972 [*Akta 71*]; atau
 - (ii) apa-apa peralatan untuk menimbang atau mengukur yang bacaannya dia ketahui adalah palsu;
 - (f) membeli, menjual atau menyimpan getah yang diperoleh daripada sumber yang diragui atau yang menyalahi undang-undang, atau aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
 - (g) membeli atau menjual getah mentah yang tercemar.

(2) Pemegang lesen yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pembaharuan lesen

8. (1) Seseorang pemegang lesen boleh, dalam masa enam puluh hari sebelum habis tempoh sesuatu lesen, memohon bagi membaharui lesen itu kepada Lembaga dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga berserta dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Tanpa menjejaskan hak pemegang lesen untuk memohon suatu lesen baharu jika permohonan bagi pembaharuan lesen dibuat selepas habis tempoh lesen itu, Lembaga boleh menolak untuk membaharui lesen itu.

(3) Lembaga boleh, selepas mempertimbangkan permohonan di bawah subperaturan (1) atau (2), membaharui, dengan atau tanpa syarat, atau menolak untuk membaharui lesen itu.

(4) Jika Lembaga memutuskan untuk membaharui lesen di bawah subperaturan (1) atau (2), pemohon hendaklah membayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Lembaga sebelum sesuatu lesen dibaharui.

(5) Lembaga boleh menolak untuk membaharui sesuatu lesen jika Lembaga berpuas hati bahawa—

(a) pemegang lesen telah tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta;

(b) pemegang lesen telah tidak mematuhi mana-mana syarat lesen itu;

- (c) pemohon telah mengemukakan apa-apa pernyataan, maklumat atau dokumen yang didapati palsu, tanpa mengira sama ada pemohon itu mengetahui atau mempercayai bahawa pernyataan, maklumat atau dokumen itu adalah palsu atau sebaliknya; atau
- (d) pembaharuan lesen itu akan memudaratkan industri getah Malaysia.

(6) Jika pembaharuan lesen ditolak oleh Lembaga di bawah subperaturan (5), Lembaga hendaklah memberikan suatu notis bertulis tentang keputusannya kepada pemohon itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

(7) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) atau (2) boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan diluluskan atau ditolak, yang jika itu berlaku fi yang dibayar di bawah subperaturan (1) tidak akan dikembalikan.

Kesahan lesen

9. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan 5 atau dibaharui di bawah peraturan 8 hendaklah sah bagi tempoh satu tahun atau bagi tempoh lebih lama yang tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari tarikh pengeluaran atau pembaharuan lesen itu.

Penggantungan dan pembatalan lesen

10. (1) Lembaga boleh menghendaki seseorang pemegang lesen untuk memberikan penjelasan kenapa lesennya tidak sepatutnya digantung atau dibatalkan jika Lembaga berpuas hati bahawa—

- (a) apa-apa syarat yang dikenakan ke atas sesuatu lesen telah tidak dipatuhi atau telah dilanggar;
- (b) pemberian lesen itu adalah disebabkan oleh representasi fakta yang palsu oleh atau bagi pihak pemegang lesen itu;

- (c) lesen itu telah digunakan atau diniatkan untuk digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang;
- (d) tujuan asal yang baginya lesen itu dikeluarkan tidak lagi wujud;
- (e) pemegang lesen itu telah melanggar atau telah tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta, mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (f) pemegang lesen itu telah berhenti menjalankan aktiviti yang baginya lesen itu dikeluarkan;
- (g) pemegang lesen itu telah mencemarkan imej baik industri getah;
- (h) keputusan atau penentuan Menteri, Lembaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa telah tidak dipatuhi; atau
- (i) terdapat apa-apa hal keadaan lain yang memerlukan tindakan sedemikian.

(2) Lembaga boleh menggantung atau membatalkan sesuatu lesen jika pemegang lesen tidak memberikan penjelasan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperaturan (1).

(3) Jika Lembaga tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan di bawah subperaturan (1), Lembaga boleh menggantung lesen itu bagi suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan dan boleh melanjutkan penggantungan itu bagi tempoh yang lain yang tidak melebihi enam bulan bagi pemegang lesen itu mengambil tindakan pembetulan.

(4) Jika pemegang lesen tidak mengambil tindakan pembetulan di bawah subperaturan (3), Lembaga boleh membatalkan lesen itu selepas habis tempoh penggantungan.

Pembatalan lesen

11. Lembaga hendaklah membatalkan sesuatu lesen jika—

- (a) pemegang lesen itu mati;
- (b) pemegang lesen itu menjadi bankrap;
- (c) pemegang lesen itu tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipan pemegang lesen itu;
- (d) pemegang lesen itu, dalam hal suatu syarikat, digulungkan;
- (e) pemegang lesen itu, dalam hal suatu perkongsian, dibubarkan; atau
- (f) pemegang lesen itu adalah dorman, tanpa mengusahakan apa-apa aktiviti atau transaksi sepanjang tempoh kesahan lesen itu.

Pemindahan atau penyerahhakan lesen

12. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dipindahkan atau diserahkan kepada mana-mana orang lain melainkan jika dengan kelulusan bertulis Lembaga.

(2) Suatu permohonan bagi pemindahan atau penyerahhakan suatu lesen hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam apa-apa bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga berserta dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Jika pemegang lesen—

- (a) mati;
- (b) menjadi bankrap;

- (c) tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menjalankan kewajipan pemegang lesen;
- (d) dalam hal suatu syarikat, digulungkan; atau
- (e) dalam hal suatu perkongsian, dibubarkan,

Lembaga boleh, atas permohonan bertulis dan dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, dengan pengendorsan ke atas lesen dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, memindahkan atau menyerahkan lesen itu kepada orang yang layak dan sesuai bagi manfaat pemegang lesen itu atau estet pemegang lesen itu sehingga habis tempoh lesen itu atau apa-apa tarikh terdahulu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga dan orang itu hendaklah disifatkan sebagai pemegang lesen bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(4) Seseorang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penyerahan balik lesen

13. (1) Seseorang pemegang lesen boleh menyerahkan balik lesen dengan menghantarkan lesen itu kepada Lembaga bersama dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik itu.

(2) Penyerahan balik itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Lembaga menerima lesen dan notis yang disebut dalam subperaturan (1), atau jika suatu tarikh ke hadapan bagi penyerahan balik dinyatakan dalam notis itu, pada tarikh ke hadapan itu.

(3) Penyerahan balik lesen tidak boleh dibatalkan melainkan jika penyerahan balik itu dinyatakan untuk mula berkuat kuasa pada tarikh ke hadapan dan Lembaga, sebelum tarikh itu, melalui notis bertulis kepada pemegang lesen membenarkan penyerahan balik itu ditarik balik.

Perkongsian dalam lesen

14. (1) Jika lesen dikeluarkan kepada suatu perkongsian, semua pekongsi hendaklah dinamakan dalam lesen itu sebagai pemegang lesen.

(2) Jika apa-apa perubahan berlaku dalam perkongsian itu, pekongsi yang tinggal atau mana-mana pekongsi hendaklah, dalam masa satu bulan dari perubahan itu, memaklumkan perubahan itu kepada Lembaga secara bertulis.

(3) Jika Lembaga berpuas hati bahawa perkongsian itu tidak dibubarkan dan, dalam hal penambahan pekongsi dalam perkongsian itu, bahawa pekongsi baharu itu ialah orang yang layak dan sesuai, Lembaga boleh meminda lesen dengan sewajarnya dan membenarkan lesen itu terus berkuat kuasa, sebagaimana yang dipinda, sehingga lesen itu habis tempoh.

(4) Setiap pekongsi hendaklah disifatkan menanggung liabiliti secara berkesama dan berasingan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan pekongsi yang lain melainkan jika pekongsi itu membuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) perbuatan atau peninggalan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiaran pekongsi itu; dan
- (b) pekongsi itu telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah perbuatan atau peninggalan itu.

Pindaan lesen atas permintaan

15. (1) Seseorang pemegang lesen boleh memohon kepada Lembaga untuk meminda—

- (a) butir-butir lesen;
- (b) syarat yang disertakan bersama lesen; atau
- (c) aktiviti yang dinyatakan dalam lesen.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga bersama dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Jika Lembaga meluluskan permohonan di bawah subperaturan (1), Lembaga hendaklah meminda lesen itu dengan sewajarnya dan membenarkan lesen itu terus berkuat kuasa, sebagaimana yang dipinda, sehingga lesen itu habis tempoh.

(4) Jika Lembaga menolak permohonan di bawah subperaturan (1), Lembaga hendaklah memaklumkan keputusan itu kepada pemohon secara bertulis dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

Salinan terperaku lesen

16. (1) Jika suatu lesen itu hilang, musnah atau rosak, pemegang lesen boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Lembaga bagi suatu salinan terperaku lesen itu.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) suatu akuan berkanun atau laporan polis oleh pemegang lesen itu yang menyatakan bahawa lesen yang dikeluarkan kepada pemegang lesen itu telah hilang, musnah atau rosak; dan

(b) fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Lembaga boleh mengeluarkan suatu salinan terperaku lesen jika Lembaga berpuas hati bahawa lesen yang asal telah hilang, musnah atau rosak.

Mempamerkan lesen, papan tanda perniagaan, dsb.

17. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen, papan tanda perniagaan dan apa-apa maklumat lain yang berkaitan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga di tempat yang mudah dilihat di premis sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen.

(2) Pemegang lesen yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Pemberitahuan perubahan dalam maklumat yang diberikan

18. (1) Tiap-tiap pemohon bagi lesen, pemohon bagi pembaharuan lesen atau pemohon bagi pindaan lesen hendaklah, dalam masa satu bulan dari berlakunya apa-apa perubahan material dalam apa-apa maklumat yang diberikan kepada Lembaga dalam mana-mana permohonan atau apa-apa perubahan material dalam apa-apa maklumat yang diberikan menurut suatu permintaan daripada Lembaga, memaklumkan perubahan itu kepada Lembaga secara bertulis.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah, dalam masa satu bulan dari berlakunya apa-apa perubahan mengenai butir-butir dalam lesen, memaklumkan perubahan itu kepada Lembaga secara bertulis.

(3) Seseorang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Penerusan syarat lesen dalam hal perubahan penghunian

19. (1) Jika seseorang menjadi penghuni mana-mana premis yang digunakan berkaitan dengan aktiviti yang dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan ini secara penggantian kepada orang lain yang memegang suatu lesen yang belum habis tempoh berkenaan dengan premis itu, penghuni baharu itu hendaklah, dalam masa empat belas hari dari perubahan dalam penghunian itu, membuat suatu permohonan kepada Lembaga di bawah peraturan 12 bagi pemindahan lesen yang belum habis tempoh itu kepada penghuni yang baharu itu.

(2) Sementara menunggu penentuan permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1), syarat lesen hendaklah mengikat penghuni baharu itu bagi tempoh dari perubahan dalam penghunian itu sehingga penentuan muktamad permohonan itu.

(3) Walaupun penghuni baharu itu tidak membuat permohonan bagi pemindahan lesen di bawah subperaturan (1), syarat bagi lesen yang belum habis tempoh itu hendaklah mengikat penghuni baharu itu bagi tempoh dari perubahan dalam penghunian itu sehingga penghuni baharu itu dikeluarkan dengan suatu lesen berkenaan dengan aktiviti yang dijalankan di premis itu atau sehingga lesen yang disebut dalam subperaturan (1) habis tempoh, mengikut mana-mana yang terdahulu.

Penyenggaraan rekod dan dokumen

20. (1) Pemegang lesen hendaklah menyenggarakan suatu rekod yang terkini dan benar mengenai semua transaksi dan dokumen berkaitan berhubung dengan lesen itu dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Rekod dan dokumen yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

(3) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua rekod dan dokumen yang disebut dalam subperaturan (1) disimpan bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada tiga tahun dari tarikh kemasukan akhir atau penyempurnaan rekod dan dokumen itu.

(4) Rekod dan dokumen yang disimpan hendaklah dijadikan tersedia bagi pemeriksaan oleh pegawai yang diberi kuasa di premis yang dinyatakan dalam lesen itu.

(5) Seseorang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Daftar Lesen

21. Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar Lesen.

BAHAGIAN III

PERMIT

Aktiviti yang menghendakkan permit

22. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) dalam hal seorang pekebun kecil getah atau pengendali ladang getah, menjual getah melainkan jika dia memegang suatu Permit Autoriti Transaksi Getah;
- (b) membeli, menyimpan dan menjual sarung tangan getah yang ditolak dan sarung tangan getah sekerap melainkan jika orang itu memegang suatu Permit PST-G; dan
- (c) mengeksport konsainan getah melainkan jika orang itu memegang suatu Permit Eksport.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1)(a) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1)(b) atau (c) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Permohonan bagi permit

23. (1) Tertakluk kepada subperaturan 27(1) dan 28(1), suatu permohonan bagi suatu permit untuk menjalankan aktiviti di bawah peraturan 22 hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam apa-apa bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga berserta dengan fi pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Apabila permohonan di bawah subperaturan (1) diterima, Lembaga boleh menghendaki pemohon untuk memberikan butir-butir, maklumat atau dokumen lanjut.

(3) Jika mana-mana butir-butir, maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah subperaturan (2), tidak diberikan oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan oleh Lembaga, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan permohonan baharu dibuat oleh pemohon.

(4) Permohonan di bawah subperaturan (1) boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum pengeluaran atau penolakan untuk mengeluarkan permit, yang jika itu berlaku fi pentadbiran yang telah dibayar di bawah subperaturan (1) tidak akan dikembalikan.

Pengeluaran permit

24. (1) Selepas mempertimbangkan permohonan di bawah subperaturan 23(1) dan butir-butir, maklumat dan dokumen di bawah subperaturan 23(2), Lembaga boleh mengeluarkan atau menolak untuk mengeluarkan permit.

(2) Jika Lembaga memutuskan untuk mengeluarkan permit, pemohon hendaklah membayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Lembaga sebelum permit itu dikeluarkan.

(3) Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat apabila permit dikeluarkan dan boleh, dari semasa ke semasa, meminda syarat yang dikenakan.

(4) Jika Lembaga menolak untuk mengeluarkan permit di bawah subperaturan (1), Lembaga hendaklah memberikan suatu notis bertulis mengenai keputusannya kepada pemohon dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

(5) Permit PST-G yang dikeluarkan di bawah peraturan ini tidak boleh dipindahkan melainkan jika dengan kebenaran bertulis Lembaga.

(6) Permit Autoriti Transaksi Getah dan Permit Eksport yang dikeluarkan di bawah peraturan ini tidak boleh dipindahkan.

Syarat khas bagi Permit Autoriti Transaksi Getah

25. (1) Seseorang pemohon bagi Permit Autoriti Transaksi Getah hanya boleh dikeluarkan dengan satu permit berkenaan dengan satu ladang getah atau lebih yang dimiliki atau dikendalikan oleh pemohon di suatu Negeri yang jumlah keseluruhannya tidak melebihi 40.46 hektar.

(2) Lembaga hendaklah mengeluarkan Permit Autoriti Transaksi Getah dalam bentuk suatu kad sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Jika kad yang disebut dalam subperaturan (2) hilang, musnah atau rosak, pemegang Permit Autoriti Transaksi Getah boleh memohon kepada Lembaga bagi penggantian kad itu.

(4) Apa-apa permohonan bagi penggantian kad yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) hendaklah disertakan dengan—

(a) suatu akuan berkanun atau laporan polis oleh pemegang permit yang menyatakan bahawa kad itu telah hilang, musnah atau rosak; dan

(b) fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(5) Permit yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) hendaklah, melainkan jika ditarik balik terdahulu, sah bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Aktiviti yang dilarang di bawah Permit Autoriti Transaksi Getah

26. (1) Pemegang Permit Autoriti Transaksi Getah tidak boleh—

(a) menjual getah yang tidak dimiliki olehnya melainkan jika pemegang permit itu ialah seorang pengendali ladang getah yang diberi kuasa oleh pemilik getah itu;

- (b) menjual getah daripada ladang yang tidak diisytiharkan kepada Lembaga;
- (c) menjual getah kepada atau berurusan dengan seseorang yang tidak dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan ini;
- (d) menjual atau mempunyai dalam milikannya apa-apa getah yang dipercayai daripada sumber yang menyalahi undang-undang atau aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
- (e) menjual getah mentah tercemar.

(2) Pemegang Permit Autoriti Transaksi Getah yang melanggar perenggan (1)(a), (b) atau (c) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Pemegang Permit Autoriti Transaksi Getah yang melanggar perenggan (1)(d) atau (e) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Syarat khas bagi Permit PST-G

27. (1) Suatu permohonan yang berasingan bagi suatu Permit PST-G hendaklah dibuat berkenaan dengan setiap premis yang digunakan yang berkaitan dengan aktiviti yang dinyatakan dalam permit tanpa mengira sama ada premis itu bersambung secara pentadbiran atau organisasi dengan premis yang lain.

(2) Pemegang Permit PST-G hendaklah mempamerkan permit itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu dan hendaklah membenarkan pemeriksaan permit itu oleh pegawai yang diberi kuasa.

(3) Suatu Permit PST-G yang dikeluarkan oleh Lembaga hendaklah, melainkan jika ditarik balik terdahulu, sah bagi tempoh tidak melebihi satu tahun.

(4) Pemegang Permit PST-G yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

Syarat khas bagi Permit Eksport

28. (1) Seseorang tidak layak untuk memohon suatu Permit Eksport melainkan jika orang itu memegang suatu lesen untuk mengeksport getah yang dikeluarkan di bawah subperaturan 5(1).

(2) Suatu Permit Eksport hendaklah, melainkan jika ditarik balik terdahulu, sah bagi tempoh enam bulan dari tarikh pengeluaran permit itu.

(3) Pemegang permit hendaklah mengemukakan kepada Lembaga keratan Permit Eksport dalam masa empat belas hari dari tarikh pengeksportan setelah diendorskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

(4) Pemegang permit yang melanggar subperaturan (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pematuhan syarat yang dikenakan ke atas permit

29. (1) Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat apabila permit dikeluarkan di bawah peraturan 24 dan boleh, dari semasa ke semasa, meminda syarat yang dikenakan.

(2) Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan ke atas permit itu.

(3) Pemegang permit yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pembaharuan permit

30. (1) Pemegang Permit PST-G dan pemegang Permit Autoriti Transaksi Getah boleh, dalam masa tiga puluh hari sebelum habis tempoh permit itu, memohon bagi pembaharuan permit itu kepada Lembaga dalam bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga berserta dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Tanpa menjejaskan hak pemegang permit untuk memohon suatu Permit PST-G atau Permit Autoriti Transaksi Getah yang baharu jika permohonan bagi pembaharuan dibuat selepas habis tempoh permit itu, Lembaga boleh menolak untuk membaharui permit itu.

(3) Lembaga boleh, selepas mempertimbangkan permohonan di bawah subperaturan (1) atau (2), membaharui, dengan atau tanpa syarat, atau menolak untuk membaharui permit itu.

(4) Jika Lembaga memutuskan untuk membaharui Permit PST-G atau Permit Autoriti Transaksi Getah di bawah subperaturan (3), pemohon hendaklah membayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Lembaga sebelum permit itu dibaharui.

(5) Lembaga boleh menolak untuk membaharui Permit PST-G atau Permit Autoriti Transaksi Getah jika Lembaga berpuas hati bahawa—

(a) pemegang permit telah tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta;

(b) pemegang permit telah tidak mematuhi mana-mana syarat permit;

- (c) pemegang permit telah mengemukakan apa-apa pernyataan, maklumat atau dokumen yang didapati palsu, tanpa mengira sama ada pemegang permit itu mengetahui atau mempercayai pernyataan, maklumat atau dokumen itu adalah palsu atau sebaliknya; atau
- (d) pembaharuan permit itu akan memudaratkan industri getah Malaysia.

(6) Jika pembaharuan permit itu ditolak oleh Lembaga di bawah subperaturan (5), Lembaga hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada pemohon mengenai keputusannya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

(7) Permohonan di bawah subperaturan (1) atau (2) boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan itu diluluskan atau ditolak, yang jika itu berlaku fi yang telah dibayar di bawah subperaturan (1) tidak akan dikembalikan.

Penggantungan dan pembatalan Permit PST-G

31. (1) Lembaga boleh menghendaki pemegang Permit PST-G untuk memberikan penjelasan kenapa permitnya tidak sepatutnya digantung atau dibatalkan jika Lembaga berpuas hati bahawa—

- (a) apa-apa syarat yang dikenakan ke atas permit itu telah tidak dipatuhi atau telah dilanggar;
- (b) pemberian permit itu adalah disebabkan oleh suatu representasi fakta yang palsu oleh atau bagi pihak pemegang permit;
- (c) permit itu telah digunakan atau diniatkan untuk digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang;
- (d) maksud asal yang baginya permit itu dikeluarkan tidak lagi wujud;

- (e)* pemegang permit itu telah melanggar atau telah tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta, mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (f)* pemegang permit itu telah berhenti menjalankan aktiviti yang baginya permit itu dikeluarkan;
- (g)* pemegang permit itu telah mencemarkan imej baik industri getah;
- (h)* keputusan atau penentuan oleh Menteri, Lembaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa telah tidak dipatuhi; atau
- (i)* terdapat apa-apa hal keadaan lain yang mewajarkan tindakan sedemikian.

(2) Lembaga boleh menggantung atau membatalkan Permit PST-G jika pemegang permit tidak memberikan penjelasan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperaturan (1).

(3) Jika Lembaga tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan di bawah subperaturan (1), Lembaga boleh menggantung Permit PST-G bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan dan boleh melanjutkan penggantungan itu bagi suatu tempoh lain yang tidak melebihi enam bulan bagi pemegang permit itu mengambil tindakan pembedahan.

(4) Jika pemegang permit itu tidak mengambil tindakan pembedahan di bawah subperaturan (3), Lembaga boleh membatalkan Permit PST-G selepas habis tempoh penggantungan itu.

Pembatalan Permit Autoriti Transaksi Getah dan Permit PST-G

32. Lembaga hendaklah membatalkan Permit Autoriti Transaksi Getah dan Permit PST-G jika—

- (a) pemegang permit itu mati;
- (b) pemegang permit itu menjadi bankrap;
- (c) pemegang permit itu tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipan pemegang permit itu;
- (d) pemegang permit itu, dalam hal suatu syarikat, digulungkan;
- (e) pemegang permit itu, dalam hal suatu perkongsian, dibubarkan; atau
- (f) pemegang permit itu adalah dormant, tanpa mengusahakan apa-apa aktiviti atau transaksi sepanjang kesahan tempoh permit itu.

Penyerahan balik permit

33. (1) Pemegang permit boleh menyerahkan balik sesuatu permit dengan menghantarkan permit itu kepada Lembaga bersama dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik itu.

(2) Penyerahan balik itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Lembaga menerima permit dan notis yang disebut dalam subperaturan (1), atau jika suatu tarikh ke hadapan bagi penyerahan balik dinyatakan dalam notis itu, pada tarikh ke hadapan itu.

(3) Penyerahan balik permit tidak boleh dibatalkan melainkan jika penyerahan balik itu dinyatakan untuk berkuat kuasa pada tarikh ke hadapan dan Lembaga, sebelum tarikh itu, melalui notis bertulis kepada pemegang permit itu, membenarkan penyerahan balik itu ditarik balik.

Perkongsian dalam permit

34. (1) Jika permit dikeluarkan kepada suatu perkongsian, semua pekongsi hendaklah dinamakan dalam permit itu sebagai pemegang permit.

(2) Jika apa-apa perubahan berlaku dalam perkongsian itu, pekongsi yang tinggal atau mana-mana pekongsi hendaklah, dalam masa satu bulan dari perubahan itu, memaklumkan perubahan itu kepada Lembaga secara bertulis.

(3) Jika Lembaga berpuas hati bahawa perkongsian itu tidak dibubarkan dan, dalam hal penambahan pekongsi kepada perkongsian itu, bahawa pekongsi baharu itu ialah orang yang layak dan sesuai, Lembaga boleh meminda permit itu dengan sewajarnya dan membenarkan permit itu untuk terus berkuat kuasa, sebagaimana dipinda, sehingga habis tempoh permit itu.

(4) Setiap pekongsi hendaklah disifatkan bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa tindakan atau peninggalan pekongsi yang lain melainkan jika pekongsi itu membuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) tindakan atau peninggalan itu berlaku tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiaran pekongsi itu; dan
- (b) pekongsi itu telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah tindakan atau peninggalan itu.

Pindaan permit atas permintaan

35. (1) Pemegang Permit PST-G boleh memohon kepada Lembaga untuk meminda—

- (a) butir-butir permit; atau
- (b) syarat yang dikenakan ke atas permit.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga berserta dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Jika Lembaga meluluskan permohonan di bawah subperaturan (1), Lembaga hendaklah meminda permit itu dengan sewajarnya dan membenarkan permit itu terus berkuat kuasa, sebagaimana dipinda, sehingga habis tempoh permit itu.

(4) Jika Lembaga menolak permohonan di bawah subperaturan (1), Lembaga hendaklah memaklumkan keputusan itu kepada pemohon secara bertulis dalam masa tiga puluh hari dari keputusan itu.

Salinan terperaku permit

36. (1) Jika suatu permit hilang, musnah atau rosak, pemegang permit boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Lembaga bagi salinan terperaku permit itu.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) suatu akuan berkanun atau laporan polis oleh pemegang permit yang menyatakan bahawa permit yang dikeluarkan kepada pemegang permit itu telah hilang, musnah atau rosak; dan

(b) fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Lembaga boleh mengeluarkan salinan terperaku permit jika Lembaga berpuas hati bahawa permit yang asal telah hilang, musnah atau rosak.

Pemberitahuan perubahan dalam maklumat yang diberikan

37. (1) Tiap-tiap pemohon bagi permit atau pemohon bagi pembaharuan permit hendaklah, dalam masa satu bulan dari berlakunya apa-apa perubahan material dalam apa-apa maklumat yang diberikan kepada Lembaga dalam mana-mana permohonan atau apa-apa perubahan material dalam apa-apa maklumat yang diberikan menurut permintaan Lembaga, memaklumkan perubahan itu kepada Lembaga secara bertulis.

(2) Tiap-tiap pemegang permit hendaklah, dalam masa satu bulan dari berlakunya apa-apa perubahan dalam butir-butir permit, memaklumkan perubahan itu kepada Lembaga secara bertulis.

(3) Seseorang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

Penyenggaraan rekod dan dokumen

38. (1) Pemegang permit, kecuali pemegang Permit Autoriti Transaksi Getah, hendaklah menyenggarakan suatu rekod yang terkini dan benar mengenai semua transaksi dan dokumen berkaitan berhubung dengan permit itu dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Rekod dan dokumen yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

(3) Pemegang permit yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah memastikan semua rekod dan dokumen disimpan bagi tempoh tiga tahun dari tarikh kemasukan terakhir atau penyempurnaan rekod dan dokumen itu.

(4) Rekod dan dokumen yang disimpan hendaklah dijadikan tersedia bagi pemeriksaan oleh pegawai yang diberi kuasa di premis yang dinyatakan dalam permit.

(5) Seseorang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Daftar Permit

39. Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar Permit.

BAHAGIAN IV

PENGHANTARAN, PENGANGKUTAN DAN PENERIMAAN GETAH ATAU BAHAN TANAMAN GETAH

Penghantaran, pengangkutan dan penerimaan getah atau bahan tanaman getah

40. (1) Tiada seorang pun boleh menghantar, mengangkut atau menerima getah atau bahan tanaman getah kecuali dengan kebenaran bertulis yang dikeluarkan di bawah peraturan 41.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kebenaran bertulis untuk menghantar, mengangkut dan menerima getah atau bahan tanaman getah

41. (1) Pemilik getah atau bahan tanaman getah hendaklah mengeluarkan kebenaran bertulis dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga untuk mengiringi tiap-tiap penghantaran atau pengangkutan getah atau bahan tanaman getah kepada pemegang lesen atau ejen penghantar.

(2) Kebenaran bertulis di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam tiga salinan dan hendaklah ditandatangani balas oleh pemegang lesen atau ejen penghantar atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh pemegang lesen atau ejen penghantar itu untuk menerima getah atau bahan tanaman getah itu.

(3) Salinan asal kebenaran bertulis hendaklah disimpan oleh pemegang lesen atau ejen penghantar yang menerima penyerahan getah atau bahan tanaman getah itu, dan salinan pendua dan salinan peniga hendaklah disimpan oleh pemilik getah atau bahan tanaman getah itu di premis yang dinyatakan dalam lesen bagi maksud pemeriksaan oleh pegawai yang diberi kuasa.

(4) Pemilik, pemegang lesen atau ejen penghantar, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah apabila diminta oleh pegawai yang diberi kuasa mengemukakan salinan kebenaran bertulisnya bagi maksud pemeriksaan.

(5) Pemilik, pemegang lesen atau ejen penghantar tidak boleh menyerahhakkan kebenaran bertulis kepada mana-mana orang lain.

(6) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Resit rasmi

42. (1) Pemegang lesen hendaklah, apabila mana-mana penjualan dan pembelian getah atau bahan tanaman getah diselesaikan, mengeluarkan kepada pembeli atau penjual, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu resit rasmi dalam bentuk yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Resit rasmi yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) hendaklah ditandatangani dengan sewajarnya oleh pemegang lesen atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen.

(3) Resit rasmi yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam dua salinan dan hendaklah ditandatangani balas oleh pembeli atau penjual yang disebut dalam subperaturan (1) atau oleh orang yang menghantarkan getah atau bahan tanaman getah bagi pihak penjual.

(4) Salinan asal resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada penjual atau pembeli dan salinan penduanya hendaklah disimpan oleh pemegang lesen.

(5) Pemegang lesen, penjual atau pembeli hendaklah menyimpan resit rasminya masing-masing di premisnya sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen dan hendaklah mengemukakan resit rasmi itu apabila diminta oleh pegawai yang diberi kuasa bagi maksud pemeriksaan.

(6) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

PEMBUNGKUSAN DAN PENGEKSORTAN GETAH, SARUNG TANGAN GETAH, TUMBUH-TUMBUHAN GETAH DAN BAHAN TANAMAN GETAH

Larangan terhadap pengeksportan tumbuh-tumbuhan getah atau bahan tanaman getah tanpa kelulusan bertulis

43. (1) Tiada seorang pun boleh mengeksport apa-apa tumbuh-tumbuhan getah atau bahan tanaman getah atau apa-apa bahagian daripada apa-apa tumbuh-tumbuhan getah atau bahan tanaman getah yang boleh digunakan bagi pembiakan atau pengeluaran semula tumbuh-tumbuhan getah dan bahan tanaman getah melainkan jika orang itu telah memperoleh kelulusan bertulis Menteri atau pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri.

(2) Suatu permohonan bagi kelulusan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis kepada Menteri oleh orang yang bercadang untuk mengeksport tumbuh-tumbuhan getah atau bahan tanaman getah dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud peraturan ini, “eksport” termasuklah pengeksportan dari mana-mana bahagian Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak, dari Sabah ke mana-mana bahagian di Semenanjung Malaysia atau Sarawak, atau dari Sarawak ke mana-mana bahagian Semenanjung Malaysia atau Sabah.

Kehendak bagi perakuan tempat asal

44. (1) Jika perakuan tempat asal dikehendaki bagi apa-apa getah yang dikeluarkan di dalam dan dieksport dari Malaysia, pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu salinan perakuan tempat asal dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga bagi pengendorsan dan Lembaga boleh mengendorskan perakuan tempat asal itu.

(2) Pengemukakan bagi pengendorsan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

Salinan terperaku perakuan tempat asal

45. (1) Jika suatu perakuan tempat asal hilang, musnah atau rosak, atau dikehendaki bagi apa-apa maksud yang sah di sisi undang-undang, suatu permohonan boleh dibuat secara bertulis kepada Lembaga atau pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga bagi suatu salinan terperaku perakuan tempat asal itu berserta dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Jika suatu perakuan tempat asal hilang, musnah atau rosak, permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan suatu akuan berkanun atau laporan polis yang dibuat oleh pemegang perakuan itu yang menyatakan bahawa perakuan tempat asal yang dikeluarkan kepada pemegang perakuan itu telah hilang, musnah atau rosak.

(3) Jika suatu salinan terperaku perakuan tempat asal dikehendaki bagi maksud yang sah di sisi undang-undang, pemohon hendaklah menyatakan dalam permohonan di bawah subperaturan (1) sebab yang baginya salinan terperaku perakuan tempat asal itu dikehendaki.

(4) Bagi maksud subperaturan (3), pemohon hendaklah memberikan apa-apa dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga atau pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga.

(5) Lembaga atau pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga boleh mengeluarkan salinan terperaku perakuan tempat asal kepada pemohon jika Lembaga atau pegawai yang diberi kuasa itu berpuas hati bahawa perakuan tempat asal itu telah hilang, musnah atau rosak, atau bahawa salinan terperaku perakuan tempat asal itu dikehendaki bagi maksud yang sah di sisi undang-undang.

Larangan terhadap penggunaan simbol rumah yang tidak didaftarkan

46. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan apa-apa simbol rumah melainkan jika ia telah didaftarkan dengan Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pendaftaran simbol rumah

47. (1) Pemegang lesen hendaklah, sebelum menggunakan apa-apa simbol rumah, membuat permohonan kepada Lembaga untuk mendaftarkan simbol rumah itu berserta dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah—

(a) menyatakan simbol rumah yang hendak digunakan oleh pemegang lesen berserta dengan suatu perihalan mengenai gred getah yang hendak dihantar di bawah simbol rumah itu;

(b) menyatakan apa-apa simbol rumah lain yang hendak digunakan oleh pemegang lesen untuk menunjukkan suatu gred getah tertentu yang boleh diterima oleh perdagangan getah; dan

(c) memberikan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(a) dan (b), suatu nombor boleh digunakan sebagai simbol rumah.

(4) Apabila permohonan di bawah subperaturan (1) diterima dan apabila berpuas hati bahawa pendaftaran simbol rumah itu tidak melanggar subperaturan (6), Lembaga hendaklah mendaftarkan simbol rumah itu dengan sewajarnya.

(5) Lembaga boleh, sebelum dan sebagai suatu syarat pendaftaran, mengenakan apa-apa syarat, pindaan, ubah suaian atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(6) Lembaga tidak boleh mendaftarkan sesuatu simbol rumah jika—

(a) simbol rumah itu—

(i) serupa dengan suatu simbol rumah yang telah didaftarkan kepada pemegang lesen yang lain dan telah dimasukkan ke dalam Daftar Simbol Rumah yang disebut dalam subperaturan (8); atau

(ii) sebegitu hampir menyerupai suatu simbol rumah yang telah didaftarkan kepada pemegang lesen yang lain dan telah dimasukkan ke dalam Daftar Simbol Rumah yang disebut dalam subperaturan (8) yang simbol rumah itu berkemungkinan akan memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan kepada orang awam;

(b) simbol rumah itu mengandungi apa-apa perkara yang mengaibkan atau mengganggu; atau

(c) penggunaan simbol rumah itu bertentangan dengan undang-undang.

(7) Jika permohonan berasingan untuk mendaftarkan simbol rumah di bawah subperaturan (1) dibuat oleh orang yang berlainan dan simbol rumah yang hendak didaftarkan adalah serupa atau sebegitu menyerupai satu sama lain berkenaan dengan gred getah yang hendak dihantar di bawah simbol rumah itu, Lembaga boleh—

(a) menolak untuk mendaftarkan mana-mana simbol rumah itu sehingga hak pemohon ditentukan oleh Lembaga atau telah diselesaikan melalui persetujuan mengikut cara yang diluluskan oleh Lembaga; atau

(b) meluluskan pendaftaran simbol rumah itu tertakluk kepada apa-apa syarat, pindaan, ubah suaian atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(8) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar Simbol Rumah.

Pemindahan simbol rumah

48. (1) Suatu simbol rumah yang didaftarkan di bawah peraturan 47 tidak boleh dipindahkan melainkan jika dengan kelulusan bertulis Lembaga.

(2) Pemegang lesen yang kepadanya simbol rumah didaftarkan boleh memohon secara bertulis kepada Lembaga bagi pemindahan simbol rumah yang disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Jika Lembaga meluluskan pemindahan suatu simbol rumah yang didaftarkan, Lembaga hendaklah meminda Daftar Simbol Rumah yang disebut dalam subperaturan 47(8) dengan sewajarnya.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tanda bungkusan

49. (1) Tiap-tiap bungkusan getah untuk dieksport hendaklah mempunyai tanda yang berikut:

- (a) nombor lesen dan simbol rumah pembungkus;
- (b) nombor lesen dan simbol rumah pengeksport;
- (c) gred getah yang terkandung dalam bungkusan itu; dan
- (d) suatu label yang dibaca "Buatan Malaysia".

(2) Tiap-tiap bungkusan sarung tangan getah yang dibuat di Malaysia untuk dieksport hendaklah mempunyai tanda yang berikut:

- (a) jenis sarung tangan getah yang dibungkus;
- (b) nombor lesen pengeksport; dan
- (c) suatu label yang dibaca "Buatan Malaysia".

(3) Label yang disebut dalam perenggan (2)(c) tidak boleh digunakan bagi sarung tangan getah yang tidak dibuat di Malaysia.

(4) Semua tanda bungkusan hendaklah jelas, tersendiri dan tidak boleh dipadam.

(5) Jika suatu bungkusan ditanda dengan atau menggunakan nombor, nombor itu hendaklah dalam angka Arab.

(6) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Salah nyataan atau tanda bungkusan palsu

50. (1) Tiada seorang pun boleh membungkus getah yang mengandungi getah yang grednya selain gred yang dinyatakan dalam tanda bungkusan.

(2) Tiada seorang pun boleh membungkus semula apa-apa blok getah daripada mana-mana negara lain dan menandakan bungkusan itu dengan logo Standard Getah Malaysia yang ditentukan oleh Lembaga atau label yang disebut dalam perenggan 49(2)(c) tanpa terlebih dahulu melalui apa-apa pemprosesan getah secara kimia atau fizikal di Malaysia.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

RAYUAN

Prosedur rayuan

51. (1) Mana-mana orang yang terkilang dengan keputusan Lembaga—

(a) yang menolak untuk mengeluarkan lesen di bawah subperaturan 5(3) atau membaharui lesen di bawah subperaturan 8(2) atau (5), atau yang membatalkan lesen di bawah subperaturan 10(2) atau (4), atau peraturan 11; atau

(b) yang menolak untuk mengeluarkan Permit PST-G di bawah subperaturan 24(4) atau membaharui Permit PST-G di bawah subperaturan 30(2) atau (5), atau yang menggantung Permit PST-G di bawah subperaturan 31(2) atau (3), atau membatalkan Permit PST-G di bawah subperaturan 31(4) atau peraturan 32,

boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu dihantar ke alamat terakhir pemegang lesen yang diketahui, membuat rayuan kepada Menteri secara bertulis dalam bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Rayuan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Rayuan di bawah subperaturan (1) tidak boleh dijadikan sebagai penggantungan keputusan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini melainkan jika selainnya dibenarkan oleh Lembaga.

(4) Menteri boleh menubuhkan suatu jawatankuasa bagi maksud menasihatinya dalam mana-mana rayuan tetapi Menteri tidak terikat untuk menerima nasihat daripada jawatankuasa itu.

(5) Tiada anggota Lembaga boleh dilantik untuk menjadi anggota jawatankuasa yang disebut dalam subperaturan (4).

(6) Anggota jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(7) Menteri boleh, setelah menimbangkan rayuan di bawah subperaturan (1) dan nasihat jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan (4), jika ada—

- (a) mengesahkan keputusan Lembaga;
- (b) membatalkan keputusan Lembaga; atau
- (c) menggantikan keputusan Lembaga dengan apa-apa keputusan yang difikirkan patut oleh Menteri.

Kesahan lesen dilanjutkan dalam rayuan yang berjaya

52. Jika Menteri membenarkan rayuan terhadap keputusan untuk membatalkan lesen yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini oleh Lembaga, kesahan lesen itu hendaklah dilanjutkan bagi tempoh yang bersamaan dengan tempoh yang bermula dari tarikh pembatalan sehingga tarikh keputusan Menteri yang membenarkan rayuan itu dibuat dan tempoh lanjutan itu hendaklah direkodkan dengan sewajarnya dalam lesen itu.

Larangan permohonan yang serupa apabila permohonan terdahulu sedang dirayu

53. (1) Jika permohonan dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini dan permohonan itu ditolak atau hanya dibenarkan sebahagiannya dan pemohon membuat rayuan terhadap keputusan itu di bawah peraturan 51, pemohon itu tidak boleh, melainkan jika ditentukan selainnya oleh Menteri, kemudiannya membuat suatu permohonan yang serupa di bawah Peraturan-Peraturan ini sehingga rayuan itu ditentukan oleh Menteri.

(2) Jika apa-apa lesen diberikan disebabkan oleh keputusan bagi permohonan yang serupa yang disebut dalam subperaturan (1), melainkan jika ditentukan selainnya oleh Menteri, lesen yang diberikan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai terbatal.

BAHAGIAN VII

AM

Penentuan tarikh permohonan

54. Bagi maksud menentukan tarikh sesuatu permohonan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini—

- (a) apabila permohonan dibuat melalui pos, tarikh tanda pos pada sampul surat itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh permohonan itu dibuat, dan jika Lembaga tidak dapat menentukan tarikh pada tanda pos itu, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai telah

dibuat tiga hari sebelum tarikh permohonan itu diterima oleh Lembaga; atau

- (b) jika permohonan itu dibuat melalui penghantaran elektronik, tarikh pada cap waktu yang tertera pada permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh permohonan itu dibuat dan jika tiada cap waktu tertera atau Lembaga tidak dapat menentukan tarikh pada cap waktu itu, permohonan itu hendaklah disifatkan telah dihantar pada tarikh permohonan itu diterima oleh Lembaga.

Kehendak untuk memberikan maklumat dan dokumen

55. (1) Pada menjalankan fungsi dan kuasanya, Lembaga boleh, melalui notis secara bertulis menghendaki mana-mana orang untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen yang difikirkan perlu oleh Lembaga mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Seseorang yang—

- (a) enggan atau mengabaikan tindakan untuk memberikan maklumat atau dokumen yang dikehendaki; atau
- (b) dengan sengaja memberikan apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) melalui apa-apa notis yang tidak lengkap, palsu atau tidak tepat,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Keterangan

56. (1) Kandungan apa-apa dokumen yang diberikan, dikeluarkan atau diserahkan oleh Lembaga di bawah atau bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, adalah benar dan pengemukaan apa-apa rekod

yang berupa sebagai menunjukkan bahawa suatu lesen atau permit telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pengeluaran, bukan-pengeluaran atau tarikh habis tempoh lesen atau permit itu.

(2) Dalam apa-apa prosiding berkenaan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini jika keterangan dikehendaki untuk membuktikan bahawa—

- (a) seseorang telah dikeluarkan atau tidak dikeluarkan lesen atau permit pada apa-apa tarikh bagi apa-apa tempoh;
- (b) lesen atau permit tertakluk kepada syarat yang dikenakan; atau
- (c) lesen atau permit telah digantung selama apa-apa tempoh atau dibatalkan,

suatu perakuan bertulis yang berupa sebagai yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang menyatakan bahawa seseorang itu telah dikeluarkan atau tidak dikeluarkan dengan suatu lesen atau permit pada apa-apa tarikh atau dengan apa-apa syarat, had atau sekatan yang dikenakan atau lesen atau permit itu telah digantung atau dibatalkan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu.

Fi

57. (1) Fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar kepada Lembaga melalui apa-apa kaedah dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Fi yang dipungut oleh Lembaga di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang.

Maklumat palsu atau mengelirukan

58. Mana-mana orang yang memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan ini yang diketahuinya adalah palsu atau dalam apa-apa hal material mengelirukan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VIII

PEMBATALAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

Pembatalan

59. (1) Peraturan-Peraturan Lembaga Getah Malaysia (Pelesenan) 1997 [*P.U. (A) 516/1997*] (selepas ini disebut sebagai “Peraturan-Peraturan yang dibatalkan”) dibatalkan.

(2) Bagi maksud Bahagian ini, “tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini” ertinya tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa di bawah subperaturan 1(2).

Lesen, perakuan dan permit sedia ada

60. (1) Mana-mana lesen, perakuan atau permit yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan yang masih sah pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus sah sehingga tarikh habis tempohnya atau bagi tempoh enam bulan, mengikut mana-mana yang terdahulu.

(2) Semasa tempoh kesahan yang dinyatakan dalam subperaturan (2), mana-mana pemegang lesen, pemegang perakuan atau pemegang permit hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, membuat permohonan bagi lesen atau permit mengikut Peraturan-Peraturan ini.

Pemindahan kuasa, dsb.

61. (1) Semua kuasa, hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan kewajipan yang sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini adalah terletak hak pada Panel Pemerakuan dan Panel Pelesenan yang ditubuhkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, mulai tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diturunkan kepada Lembaga.

(2) Semua kuasa, hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan kewajipan yang sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini adalah terletak hak pada Panel Rayuan Pelesenan dan Panel Rayuan Pemerakuan yang ditubuhkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, mulai tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diturunkan kepada Menteri.

Penerusan permohonan yang belum selesai

62. (1) Semua permohonan yang belum selesai di hadapan Panel Pelesenan dan Panel Pemerakuan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diuruskan oleh Lembaga mengikut Peraturan-Peraturan ini.

(2) Semua rayuan yang belum selesai di hadapan Panel Rayuan Pelesenan dan Panel Rayuan Pemerakuan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diuruskan oleh Menteri mengikut Peraturan-Peraturan ini.

(3) Semua kelulusan atau rayuan yang belum selesai di hadapan Menteri di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diuruskan oleh Menteri mengikut Peraturan-Peraturan ini.

(4) Pemegang lesen atau pemegang perakuan yang telah membuat rayuan bagi pembaharuan lesen dan perakuan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan boleh terus menjalankan aktivitinya bagi tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini atau sehingga Menteri membuat keputusan atas rayuan itu mengikut Peraturan-Peraturan ini, mengikut mana-mana yang terdahulu.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2]

TUMBUH-TUMBUHAN GETAH

Tumbuh-tumbuhan spesies <i>Hevea</i>	Tumbuh-tumbuhan selain spesies <i>Hevea</i>
(a) <i>Hevea brasiliensis</i>	(a) Spesies <i>Castilla</i>
(b) <i>Hevea benthamiana</i>	(b) Spesies <i>Manihot</i>
(c) <i>Hevea guianensis</i>	(c) <i>Funtumia elastica</i>
(d) <i>Hevea pauciflora</i>	(d) Spesies <i>Londolphia</i>
(e) <i>Hevea nitida</i>	(e) <i>Ficus elastica</i>
(f) <i>Hevea spruceana</i>	(f) <i>Parthenium argentatum (guayule)</i>
(g) <i>Hevea microphyllia</i>	(g) Spesies <i>Taraxacum</i>
(h) <i>Hevea rigidifolia</i>	(h) Spesies <i>Solidago</i>
(i) <i>Hevea camporum</i>	
(j) <i>Hevea camargoana</i>	

JADUAL KEDUA

[Peraturan 4, 5, 8, 12, 15, 16, 23, 24, 25, 30, 35, 36, 44, 45, 47, 48 dan 51]

<i>Bil.</i>	<i>Perkara</i>	<i>Peraturan</i>	<i>Tujuan/Aktiviti</i>		<i>Fi</i>
1.	Lesen	Subperaturan 4(1)	Fi pentadbiran bagi permohonan lesen		RM100 setiap permohonan
		Subperaturan 5(2)	Pengeluaran lesen untuk perdagangan/memproses getah	untuk membeli getah	RM100 setiap tahun
				untuk menyimpan getah	RM100 setiap tahun
				untuk memproses getah	RM500 setiap tahun
				untuk membungkus getah	RM300 setiap tahun
				untuk menjual getah	RM200 setiap tahun
				untuk mengeksport getah	RM500 setiap tahun
				Pengeluaran lesen untuk pembuatan produk getah	untuk membeli dan menyimpan getah bagi pembuatan produk getah
		Pengeluaran lesen untuk mengeksport sarung tangan getah	untuk mengeksport sarung tangan getah	RM500 setiap tahun	
		Pengeluaran lesen untuk tapak semeian getah	untuk membeli, menyimpan atau menjual bahan tanaman getah, atau untuk mencambahkan, menumbuhkan, menanam atau memindah	RM500 setiap tahun	

				tanam bahan tanaman getah bagi tujuan komersial	
	Subperaturan 8(1)	Pembaharuan lesen untuk perdagangan/ memproses getah		untuk membeli getah	RM100 setiap tahun
				untuk menyimpan getah	RM100 setiap tahun
				untuk memproses getah	RM500 setiap tahun
				untuk membungkus getah	RM300 setiap tahun
				untuk menjual getah	RM200 setiap tahun
				untuk mengeksport getah	RM500 setiap tahun
				Pembaharuan lesen untuk pembuatan produk getah	untuk membeli dan menyimpan getah bagi pembuatan produk getah
		Pembaharuan lesen untuk mengeksport sarung tangan getah	untuk mengeksport sarung tangan getah	RM500 setiap tahun	
		Pembaharuan lesen untuk tapak semeian getah	untuk membeli, menyimpan atau menjual bahan tanaman getah, atau untuk mencambahkan, menumbuhkan, menanam atau memindah tanam bahan tanaman getah bagi tujuan komersial	RM500 setiap tahun	
	Subperaturan 12(2)	Permohonan untuk memindahkan lesen			RM100 setiap permohonan

			Permohonan untuk menyerahkan lesen	RM100 setiap permohonan
		Subperaturan 15(2)	Permohonan untuk meminda lesen	RM100 setiap permohonan
		Perenggan 16(2)(b)	Permohonan untuk salinan terperaku lesen	RM50 setiap salinan
2.	Permit	Subperaturan 23(1)	Fi pentadbiran bagi permohonan Permit Autoriti Transaksi Getah	- Tiada -
			Fi pentadbiran bagi permohonan Permit PST-G	RM100 setiap permohonan
			Fi pentadbiran bagi permohonan Permit Eksport	- Tiada -
		Subperaturan 24(2)	Pengeluaran Permit Autoriti Transaksi Getah	- Tiada -
			Pengeluaran Permit PST-G	RM100 setiap tahun
			Pengeluaran Permit Eksport	RM3 setiap tan metrik
		Perenggan 25(4)(b)	Penggantian kad Permit Autoriti Transaksi Getah	RM10 setiap kad
		Subperaturan 30(1)	Pembaharuan Permit Autoriti Transaksi Getah	- Tiada -
			Pembaharuan Permit PST-G	RM100 setiap tahun
			Pembaharuan Permit Eksport	- Tiada -
		Subperaturan 35(2)	Permohonan untuk meminda Permit PST-G	RM50 setiap permohonan
		Perenggan 36(2)(b)	Permohonan bagi salinan terperaku permit	RM10 setiap salinan
3.	Perakuan tempat asal	Subperaturan 44(2)	Pengendorsan perakuan tempat asal	RM10 setiap salinan
		Subperaturan 45(1)	Permohonan bagi salinan terperaku perakuan tempat asal	RM5 setiap salinan
4.	Simbol rumah	Subperaturan 47(1)	Permohonan untuk pendaftaran simbol rumah	RM100 setiap permohonan
		Subperaturan 48(2)	Permohonan untuk pemindahan simbol rumah	RM100 setiap permohonan
5.	Rayuan	Subperaturan 51(2)	Rayuan kepada Menteri	RM1,500

Dibuat 14 April 2014
[KPPK(S)423(12)825/1Klt. 1; PN(PU2)560/VIII]

DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

		Subregulation 35(2)	Application to amend PST-G Permit	RM50 per application
		Paragraph 36(2)(b)	Application for certified copy of permit	RM10 per copy
3.	Certificate of origin	Subregulation 44(2)	Endorsement of certificate of origin	RM10 per copy
		Subregulation 45(1)	Application for certified copy of certificate of origin	RM5 per copy
4.	House symbol	Subregulation 47(1)	Application for registration of house symbol	RM100 per application
		Subregulation 48(2)	Application for transfer of house symbol	RM100 per application
5.	Appeal	Subregulation 51(2)	Appeal to the Minister	RM1,500

Made 14 April 2014

[KPPK(S)423(12)825/1Klt. 1; PN(PU2)560/VIII]

DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS
Minister of Plantation Industries and Commodities